

# PAKAR ASING BAGI BANTU BUMIPUTERA

UM 17 AUG 1981

**K**ERAJAAN sanggup mengadakan pakar pengurusan dan tokoh pertukermuka dari luar negeri untuk membantu para peniaga bumiputera dalam bidang itu, Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata.

Beliau menambah bahawa dalam usaha menolong peniaga-peniaga bumiputera mendalami pengetahuan mereka dalam bidang perniagaan, kerajaan sedia membiayai rancangan membawa masuk pakar-pakar luar negeri itu.

Kerajaan menyedari masalah besar yang dihadapi oleh para peniaga bumiputera sekarang bukan lagi mendapatkan lesen, tempat berniaga atau modal, tetapi kecekapan dalam pengurusan.

Berucap di majlis makan malam Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia cawangan Melaka di sini malam tadi, Perdana Menteri berkata: "Jika para peniaga bumiputera berkehendakkan pakar-pakar pengurusan dan tokoh perniagaan luar negeri untuk memberi kursus dan

MELAKA 16 OGOS

un-  
ceramah kerajaan sanggup mengadakannya-dengan pembayaran dari pihak kerajaan."

Beliau menyeru dewan itu supaya mengadakan kursus-kursus pengurusan dan perniagaannya yang tersendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau menekankan perkara ini kerana mendapati kebanyakan para peniaga bumiputera terutama mereka yang sudah berjaya cenderung mengambil sikap mereka sudah tahu semua, dan tidak perlu belajir lagi.

"Ini adalah sikap yang salah kerana walau dalam apa bidang sekalipun yang kita ceburi proses belajar dan menambah pengalaman tidak akan selesai hingga ke akhir hayat," kata Perdana Menteri.

"Kita sepatutnya mencontohi para peniaga dan eksekutif bangsa lain yang sanggup meluangkan masa dan mengeluarkan belanja beribu ringgit untuk menghadiri kursus-kursus anjuran swasta untuk menambah pengalaman dan kecekapan mereka.

Perdana Menteri merujuk kepada kursus-kursus

jangka pendek yang dianjurkan oleh Institut Pengurusan Malaysia (MIM) Harvard Alumni dan lain-lain yang banyak disertai oleh para peniaga dan eksekutif bangsa lain.

Katanya, "kebiasannya para penganjur kursus itu mengenakan bayaran sampai \$3,000 untuk kursus selama tiga hari sahaja tetapi mereka sanggup menyertainya kerana menyedari ia berupa satu pelaburan yang akan menghasilkan keuntungan yang lebih dari itu.

"Kalau mereka sanggup meluankan masa dan membayar beribu ringgit untuk tujuan itu, kita harus mencontohi jejak mereka dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia juga harus mengambil langkah tersendiri menganjurkan kursus menambah pengalaman dan kecekapan."

Perdana Menteri kesal kerana dewan itu kebelakangan ini tidak mengambil daya usaha berbuat demikian sebaliknya lebih menumpukan perhatian membincangkan masalah-masalah ahli dan membuat desakan-desakan kepada kerajaan.

Sejajar dengan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mahy para peniaga bumiputera mengakui kelemahan-kelemahan yang ada pada diri mereka terutama sekali dalam aspek kecekapan pengurusan.

Beliau menarik perhatian bahawa kelemahan dalam aspek kecekapan mengurus jelas wujud kerana didapati sebilangan para peniaga bumiputera yang walaupun sudah lengkap serba serbi untuk berniaga mengalami kegagalan juga.

Perdana Menteri berkata "apa yang saya nampak kebelakangan ini para peniaga Melayu terutama yang sudah berjaya mengambil sikap mereka 'tidak perlu belajar lagi dan berkata kalau kerajaan nak bantu bagi duit dan lesen sudah han jangan tanya

lanj. "Sebenarnya, walaupun kita sudah berjaya, jadi kaya-raya dan ju-

tawan, kita masih perlu mendengar pengalaman dan menerima pengajaran dari orang lain terutama dari mereka yang lebih berpengalaman."

Datuk Sri Dr. Mahathir, mengesyorkan supaya Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu menganjur kursus dengan cara menjemput tokoh-tokoh perniagaan bumiputera dan bukan bumiputera yang berjaya memberi ceramah.